

15/10/1997

Pemimpin negeri turut jadi sasaran

MARANG, Selasa - Seorang ahli exco negeri ini mendakwa kepemimpinan negeri turut dilaga-lagakan orang ramai, termasuk membabitkan Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad dengan ahli mesyuarat kerajaan negeri.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Manusia, Sains, Teknologi dan Pengajian Tinggi negeri, Datuk Dr Abdul Latif Awang, berkata keadaan ini menyebabkan keadaan politik di negara ini sentiasa bergolak kerana ahli Umno tidak bersatu.

Beliau berkata, di peringkat antarabangsa, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim cuba dilagakan media asing supaya kestabilan politik di negara ini tergugat, termasuk mendesak salah seorang daripadanya meletak jawatan.

Manakala Menteri Besar dan ahli exco negeri dilagakan orang ramai, termasuk ahli Umno sendiri supaya keadaan politik di negeri ini sentiasa bergolak.

"Umno atau Barisan Nasional (BN) tidak kalah dalam sesuatu pilihan raya kalau tidak diperlakukan atau disabotaj ahli Umno sendiri, termasuk di kawasan Dewan Undangan Negeri Alor Limbat," katanya di majlis pelancaran Tabung Kecemerlangan Pendidikan dan Balai Raya Kampung Alor Limbat, di sini, semalam.

Menurutnya, perkara itu dibincangkan begitu hebat, terutama di kedai kopi, seolah-olah perkara itu benar-benar berlaku, sedangkan ia tidak wujud tetapi sengaja ditimbulkan untuk tujuan mengeruhkan keadaan.

(END)